

ACTIHIST EXPECTORANT

Tripolidine HCl (1.25 mg), Pseudoephedrine HCl (30 mg), Guaiphenesin (100 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Actihist Expectorant
2. Bagaimana Actihist Expectorant berfungsi
3. Sebelum menggunakan Actihist Expectorant
4. Cara menggunakan Actihist Expectorant
5. Semasa menggunakan Actihist Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Actihist Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Actihist Expectorant

Ia digunakan untuk melegakan kerengsaan batuk kering, hidung berair dan hidung tersumbat.

Bagaimana Actihist Expectorant berfungsi

Ubat ini mengandungi tiga bahan aktif:

- *Pseudoephedrine HCl*, dekongestan untuk mengurangkan penyumbatan hidung.
- *Tripolidine HCl*, antihistamin yang membantu untuk menghentikan bersin, hidung berair.
- *Guaiphenesin*, membantu memberi kelonggaran lendir di kerongkong dan dada.

Sebelum menggunakan Actihist Expectorant

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada mana-mana bahan yang disenaraikan pada bahagian bahan ramuan

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bercakap dengan ahli farmasi atau doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda atau anak anda mempunyai:

- anda mempunyai penyakit jantung atau tekanan darah tinggi.
- anda menghidap asma
- anda mengambil ubat untuk kemurungan dikenali sebagai *Monoamine Oxidase Inhibitors* (MAOIs).
- anda mempunyai masalah kelenjar tiroid yang terlalu aktif.
- anda mempunyai diabetes
- anda mempunyai glaukoma
- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda mempunyai ulser peptik.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Actihist Expectorant boleh menjejaskan atau dipengaruhi oleh ubat-ubatan lain yang anda ambil. Beritahu doktor atau pegawai farmasi sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Ia termasuklah:

- Ubat untuk tekanan darah tinggi (*Methyldopa, guanethidine, beta blocker*)
- Ubat untuk kemurungan (*tricyclic antidepressant*)
- Ubat simpatomimetik untuk pesakit asma

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin berlaku. Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Actihist Expectorant

- Berapa banyak harus digunakan

Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan pegawai farmasi anda dengan berhati-hati. Mereka mungkin berbeza dari maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, bertanya kepada

doktor atau pegawai farmasi untuk membantu

Dewasa

10 ml tiga kali sehari.

Kanak-kanak

2 hingga 6 tahun: 2.5 ml tiga kali sehari.
6 hingga 12 tahun: 5 ml tiga kali sehari.

Doktor akan melaraskan dos penggunaan berdasarkan pada umur dan gejala anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau pegawai farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk mengambil Actihist Expectorant seberapa lama yang doktor diberitahu oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau pegawai farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda bagi memenuhi dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Jika anda mengambil terlalu banyak, ubat ini boleh menyebabkan anda sakit kepala, loya, muntah, kekeringan mulut, peningkatan degupan jantung, masalah pernafasan dan koma.

Semasa menggunakan Actihist Expectorant

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor:

- Jika anda mengalami apa-apa reaksi alahan / kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat.
- Jika anda hamil semasa mengambil ubat ini

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Actihist Expectorant

Ambil ubat anda sepertimana yang telah diberitahu oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- berikan Actihist Expectorant kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda.
- ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali telah diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi anda.
- mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.
- berhenti mengambil ubat ini sebelum bertanya pada doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Actihist Expectorant boleh menyebabkan rasa mengantuk pada kebanyakan orang. Jangan memandu atau menggunakan jentera sehingga anda yakin yang diri anda tidak terjejas dengan kesan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat lain, Actihist Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini, walaupun tidak semua orang akan mendapat kesan tersebut. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaannya ia adalah ringan dan untuk tempoh sementara sahaja

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda fikir anda sedang mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini seperti;

- mengantuk
- insomnia
- pengekalan air kencing,
- loya
- muntah
- reaksi alahan

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan cepat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Actihist Expectorant

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna oren dengan rasa pudina segar.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap 5 ml mengandungi:
Triprolidine HCl
Pseudoephedrine HCl
Guaiphenesin

- Bahan Tidak Aktif

Ethyl maltol
Fresh minty cough drop flavour
Glycerol
Propylene glycol
Saccharin sodium
Sunset yellow
Syrup simplex
Methyl hydroxybenzoate
Propyl hydroxybenzoate
Citric acid
Deionised water
Sodium citrate

- Nombor MAL

MAL19940069A

Pengilang

HOVID Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
(Jalan Kuala Kangsar)
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/04/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200512/439